

Kenaikan amat membebankan

sl 25/3/2022 ms:3

Pengguna perlu bersedia dengan trend kenaikan harga ikan selepas ini

IPOH

Kenaikan harga ikan beberapa kali dalam tempoh sebulan amat membebankan dan peniaga serta pembeli perlu bersedia dengan trend kenaikan yang dijangka bermula minggu hadapan.

Peniaga, Kamariah Musa, 55 berkata, kenaikan tersebut menurut pemborong adalah seiring dengan kenaikan harga barangan semasa.

“Kita menerima bekalan setiap pagi dan apabila melihat bil, tanya juga kenapa mahal dan pemborong kata ia disebabkan harga barang mahu naik. Itu yang diberitahu dan kami terpaksa bayar harga yang ditetapkan.

“Antara harga yang naik seperti ikan kembung naik RM1 beberapa kali dengan jualan kini RM15 sekilogram (kg), Selayang (RM12kg) dan ikan merah pula mencecah RM48 sekilogram selepas naik RM2, Sabtu lalu,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Pasar Awam Parit di sini.

Menurutnya, kenaikan harga ikan itu menyebabkan margin keuntungan peniaga menjadi sedikit.

“Modal yang dikeluarkan banyak



Kamariah menimbang ikan yang dibeli seorang pelanggan di Pasar Awam Parit.

dan ikan bukan selalu habis. Kalau ambil sedikit, mungkin tidak boleh pusing modal semula.

“Sudah 17 tahun berniaga, tempoh lima bulan ini harga ikan tidak menentu tambahan ikan sejuk beku akan naik harga pula. Keadaan itu sudah tentu akan membebankan pembeli juga,” katanya.

Peniaga, Salasiah Mohd Syafie, 57, berkata, dia terpaksa mengambil kuantiti yang sedikit ekoran kenaikan harga itu bagi mengelak kerugian.

“Ikan selayang, nyok-nyok antara yang naik manakala ikan kembung pula tidak menentu. Minggu depan pemborong memaklumkan terdapat kenaikan harga bagi ikan segar tetapi



tidak dinyatakan jumlahnya.

“Kita tidak ambil banyak kali ini berikutan pelanggan pun tidak banyak beli ikan. Ada kala pelanggan merungut dengan kenaikan ini tetapi kami tiada pilihan terpaksa menjual mengikut harga yang dibeli daripada pemborong,” katanya.

Seorang peniaga nasi berlauk, Ellia Abdul Malik, 50, mengakui terkesan dengan kenaikan harga ikan segar yang dibelinya setiap hari.

“Ikan segar naik sehingga RM5, tambahan pula dengan kenaikan harga sayur dua kali ganda. Kita hendak jual makanan tidak boleh menaikkan harga sesuka hati kerana pelanggan terdiri pelbagai golongan,” katanya.